

29 OCT 1999

Akaun-Siasatan

UMNO GESA SIASATAN TERPERINCI TERHADAP DAKWAAN AKAUN ANWAR

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Umno mahu siasatan terperinci dibuat terhadap dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengawal 20 akaun induk bernilai RM3 bilion untuk tujuan politiknya.

Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor berkata siasatan itu perlu bagi menentukan kebenaran setiap dakwaan yang dibuat bekas penolong gabenor Bank Negara Datuk Abdul Murad Khalid semalam.

"Kita percaya (bahawa) keberanian bekas penolong gabenor Bank Negara itu tentunya berasaskan bukti-bukti yang ada serta dilakukan dengan penuh tanggungjawab setelah mengambil kira kepentingan agama, bangsa dan negara," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau yang turut terperanjat dan kecewa mengenai pendedahan itu berkata semua anggota Umno berpendirian tegas untuk menolak sebarang tindakan dan pelakuan seumpama itu apatah lagi ia berlaku semasa Anwar masih berada di dalam kerajaan dan menjadi timbalan perdana menteri serta menteri kewangan.

Murad dalam akuan berkanun yang diikrarkan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah di sini pada 26 Okt lepas mendakwa Anwar menggunakan wang akaun induk itu untuk memajukan cita-cita politik termasuk membayar hutang-hutang para penyokongnya.

Beliau membuat pendedahan itu pada satu persidangan berita di sini semalam.

"Sekiranya dakwaan itu benar, ia merupakan proses yang baik untuk menyelamatkan Umno daripada dipimpin oleh seorang pemimpin yang diragui keikhlasannya," kata Yusof.

Sementara itu Pergerakan Pemuda Umno dalam satu kenyataan turut mendesak pihak yang bertanggungjawab supaya menjalankan siasatan sepenuhnya berhubung pendedahan itu kerana menganggap ia serius dan wajar disiasat segera.

Penolong Setiausaha Pemuda Umno Zulkifli Mohamed Alwi berkata pendedahan Murad itu sekaligus membuktikan bahawa tuduhan Anwar dan pemimpin parti pembangkang lain, kononnya pucuk pimpinan kerajaan khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkonspirasi untuk menumbangkan Anwar, adalah palsu dan tidak berasas.

"Pemuda ingin menasihatkan rakyat supaya tidak terpengaruh dengan pelbagai hasutan parti pembangkang yang mempunyai agenda tersendiri serta meminta anggota (parti) Keadilan yang telah terkeliru supaya kembali ke pangkal jalan," katanya.

Pemuda Umno turut menggesa peguam Karpal Singh yang sudah begitu lama mengamalkan profesion perundangan supaya bersikap lebih profesional dalam mengendalikan kes perbicaraan liwat Anwar.

-- BERNAMA

ZAI RON